

PDRM pertingkatkan kekuatan sempadan

Kenderaan perisai tambahan digerakkan ke lokasi

Oleh Safeek Affendy Razali dan Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kekuatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di kawasan sempadan Malaysia-Thailand dipertingkatkan susulan dua serangan terkini penyeludup terhadap anggota Pasukan Gerakan Am (PGA).

Selain mengerahkan tim operasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) ke kawasan berkenaan, kekuatan kenderaan perisai tambahan turut digerakkan ke lokasi.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata mengenai serangan berlaku, termasuk mengorbankan nyawa anggota PGA Selasa lalu, tidak meluntur-

kan semangat pegawai dan anggotanya bertugas di sempadan.

“Selain Unit Komando 69 (VAT69), kita juga mengerahkan tim operasi daripada JSJ dan JSJN ke kawasan sempadan untuk memastikan sebarang pergerakan oleh kumpulan penyeludup ini dapat dipatahkan.

“Tindakan pantas kita membuahkan hasil apabila polis Kedah merampas lebih 100 kilogram (kg) heroin dianggarkan bernilai RM10 juta petang semalam (kelmarin),” katanya kepada *BH*.

Abdul Hamid berkata, beliau berbangga dengan semangat juang ditunjukkan pegawai dan anggota Batalion 3, Senoi Praaq, meskipun wujud serangan daripada kumpulan penyeludup.

Sementara itu, Komander Briged Utara PGA, Senior Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji, berkata pihaknya akan mengkaji sistem komunikasi bersesuaian, bagi memudahkan perhubungan antara pegawai semboyan dan anggota melakukan rondaan di sempadan negara.

“Jika ada sistem komunikasi lebih baik, kita akan dapat meng-

hubungi anggota yang membuat rondaan pada bila-bila masa.

“Ketika ini anggota melakukan rondaan terpaksa menaiki motosikal ke kawasan mempunyai liputan untuk membuat laporan kepada pegawai semboyan,” katanya ketika melakukan tinjauan kawasan sempadan Malaysia-Thailand semalam.

Abdul Ghani memaklumkan, ketika kejadian Selasa lalu, anggota yang tercedera terpaksa menaiki motosikal kira-kira satu kilometer dari lokasi kejadian tembak-menembak, bagi mendapatkan bantuan.

Dalam pada itu, Ketua Polis Kedah, Datuk Hasanuddin Hassan, memaklumkan PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai kawasan tanggungjawab masing-masing untuk menjaga keamanan di sempadan Malaysia-Thailand daripada dibolosi penyeludup.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya tiada halangan jika ATM melakukan tangkapan di kawasan tanggungjawab PDRM dan menyerahkannya kepada polis untuk siasatan lanjut.



Unit Berkuda PDRM melakukan pemantauan di sempadan Malaysia-Thailand, semalam. (Foto Amran Hamid/BH)